



**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
MOHD YAHYA BIN HAJI HASYIM MENGENAI
PENGALAMAN BELIAU MENJUARAI
PERTANDINGAN SILAT PERINGKAT DUNIA DALAM
'KEJOHONAN SILAT TERBUKA INDONESIA'
DI INDONESIA PADA TAHUN 1992.**

DISEDIAKAN OLEH :

**MOHD FAIZ BIN RASZEMI
AHMAD MUHAMMAD BIN MOHD NOOR**

**PROJEK DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UNIVERSITY TEKNOLOGI MARA, SEGAMAT
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KHUSUS
IMR 604 – DOKUMENTASI SEJARAH LISAN**

SEMESTER 05 (MAC 2013 – JULAI 2013)

Sekapur Sireh ...

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihi

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi kerana taufik dan hidayah serta izin Allah S.W.T dapat kami selesaikan tugas penulisan transkrip berkenaan dengan subjek IMR 603: Mendokumentasi Sejarah Lisan pada masa yang ditetapkan. Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada pihak-pihak yang membantu kami dalam menghasilkan kerja kursus kami iaitu Transkrip Temubual Bersama Mohd Yahya Bin Haji Hashim Mengenai Pengalaman Beliau Menjuarai Pertandingan Silat Peringkat Dunia Dalam "Kejohanan Silat Terbuka Indonesia" Di Indonesia Pada Tahun 1992.

Jutaan terima kasih kami ucapkan kepada pensyarah kami, Puan Azura Bt. Abdul Jamil@Kamarudzzaman yang telah banyak membantu dan memberi penerangan, tunjuk ajar, pandangan dan kata-kata nasihat yang berguna kepada kami dalam menghasilkan kerja kursus ilmiah ini dengan sempurna. Di samping itu cadangan serta nasihat yang diberikan amat membantu dalam mengembangkan hasil kerja kursus transkrip kami ini. Segala komitmen yang ditunjukkan memberi kami semangat untuk menyiapkan penulisan transkrip ini.

Sekalung penghargaan juga kami ucapkan kepada Encik Yahya Bin Haji Hashim yang merupakan tokoh yang kami pilih dalam menghasilkan kerja kursus penulisan transkrip ini kerana kesudian beliau ditemu ramah oleh kami. Segala kerjasama dan komitmen beliau dalam menceritakan pengalaman beliau amat kami hargai dan sanjungi. Ribuan terima kasih juga kepada pihak-pihak lain yang secara langsung mahupun tidak langsung yang membantu kami mendapatkan sumber maklumat dan sumber ilmu dengan lebih terperinci dan tanpa mereka, mungkin kami menghadapi kesukaran dalam mendapatkan maklumat serta bahan untuk dijadikan rujukan dan aplikasi kepada kerja kursus kami ini.

Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

ABSTRAK	i
1.0 PENGENALAN	1
2.0 TRANSKRIP WAWANCARA.....	10
3.0 LOG WAWANCARA.....	74
4.0 BIODATA.....	
4.1 Biodata Tokoh.....	84
4.2 Biodata Penulis 1.....	86
4.3 Biodata penulis 2.....	87
5.0 SENARAI SOALAN WAWANCARA.....	96
6.0	
RALAT.....	102
7.0 SENARAI RUJUKAN.....	103
8.0 LAMPIRAN.....	104
9.0 INDEKS.....	108
10.0 DIARI PENYELIDIKAN.....	113

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD YAHYA BIN HAJI HASHIM MENGENAI
PENGALAMAN BELIAU MENJUARAI PERTANDINGAN SILAT PERINGKAT DUNIA
DALAM “KEJOHANAN SILAT TERBUKA INDONESIA” DI INDONESIA PADA
TAHUN 1992.**

ABSTRAK: Md Yahya bin Haji Hashim berkecimpung dalam ilmu persilatan sejak 35 tahun lalu dan sepanjang tempoh itu pelbagai kejayaan diperoleh termasuk juara *World Championship Silat Martial Art* kategori Seni Solo di Indonesia pada tahun 1992. Beliau turut memperoleh kejuaraan pada pertandingan solo di SEA Game Singapore pada 1993 dan menjadi naib johan untuk Sukan SEA di Brunei. Beliau juga pernah menyertai pertandingan silat Terbuka Belanda dan telah menjuarai dalam kategori seni solo pada tahun 1994. Beliau bersara dari peringkat antarabangsa pada tahun 1995 dengan alasan memberi peluang kepada muka baru untuk mewakili Malaysia. Walaupun sudah bersara dari peringkat antarabangsa, pembabitan Pak Ya dalam dunia persilatan tidak terhenti di situ apabila beliau diberi kepercayaan menjadi jurulatih silat kebangsaan negeri Johor dan melatih dalam kategori Seni Solo selama dua tahun (1995- 1997). Anak didiknya juga telah berjaya memenangi pertandingan silat peringkat kebangsaan sekaligus layak mewakili Malaysia ke peringkat antarabangsa. Selepas dua tahun menjadi jurulatih kebangsaan, beliau mengundur diri dari menjadi jurulatih dan memilih untuk menjadi juri peringkat antarabangsa. Beliau telah menghadiri kursus juri di Indonesia pada tahun 1997 selama sebulan. Beliau pernah menjadi juri untuk tiga pertandingan antarabangsa dan enam pertandingan kebangsaan. Beliau sering mendapat undangan untuk membuat pertunjukan silat dan yang terbaru, beliau bersama anak muridnya diberi penghormatan membuat persembahan di Kejohanan Silat Olahraga empat Penjurua Piala Pendekar Selatan 2009 Kali Pertama Di Dewan Jubli Intan, Pontian anjuran Majlis Sukan Daerah (MSD) Pontian dengan kerjasama Majlis Sukan Negeri (MSN) Johor dan Pusat Khidmat Ahli Parlimen Pontian, baru-baru ini.

KATA KUNCI: Md Yahya Bin Hashim, Kejohanan Silat Terbuka Indonesia, Johan di Kejohanan Silat Terbuka Singapura (1992), Johan Kejohanan Silat Terbuka Thailand (1995), jurulatih kebangsaan dan juri silat antarabangsa di *World Championship Silat Martial Art* di Indonesia, Sukan SEA di Vietnam dan Sukan SEA di Thailand. Juri kebangsaan di Kejohanan Silat Kebangsaan Melaka, SUKMA Melaka, Kejohanan Silat Kebangsaan Selangor, SUKMA Terengganu, Kejohanan Silat Kebangsaan Pulau Pinang, dan SUKMA Pahang.